



SIARAN MEDIA

KONVOI KEMBARA MERDEKA JALUR GEMILANG (KMJG) PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2025

PETALING, 1 Ogos 2025 - Konvoi KMJG 2025 merupakan acara tahunan yang dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) untuk menggelorakan Bulan Kebangsaan atau lebih dikenali oleh orang ramai sebagai “bulan merdeka”.

Dengan mengekalkan konsep membawa Jalur Gemilang ke seluruh negara melalui “Penyerahan Jalur Gemilang” antara satu negeri dengan negeri yang lain di setiap sempadan negeri yang terlibat, konvoi akan menyerahkan Jalur Gemilang tersebut kepada Pengarah Penerangan Negeri selaku Ketua Konvoi di setiap sempadan negeri. Pada tahun ini JAPEN Selangor telah memilih tiga (3) daerah iaitu Daerah Sepang, Petaling dan Sabak Bernam sebagai lokasi **check point** utama konvoi KMJG 2025 iaitu;

- Dataran Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang - 1 Ogos 2025
- Dataran Majlis Bandaraya Petaling Jaya - 2 Ogos 2025
- Pantai Redang, Sekinchan Sabak Bernam - 2 Ogos 2025
- Pejabat Penyelaras DUN Sabak - 2 Ogos 2025

Persinggahan konvoi KMJG 2025 juga turut mengetengahkan pelbagai program bagi menyemarakkan semangat patriotisme antaranya edaran Jalur Gemilang, edaran risalah kenegaraan, nyanyian lagu patriotik serta aktiviti memasang Jalur Gemilang di kenderaan dan premis-premis yang terlibat. Program KMJG ini turut mengetengahkan keunikan Malaysia MADANI di setiap lokasi persinggahan dari segi budaya, makanan, tarikan gaya hidup komuniti setempat.

Kerjasama erat antara pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Daerah Sepang, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Daerah Sabak Bernam amat menggalakkan dan pelbagai pengisian dilaksanakan di setiap *check point* bagi menggelorakan semangat cintakan negara menerusi Konvoi KMJG 2025 pada kali ini.

Seramai 68 peserta yang menyertai konvoi KMJG 2025 peringkat Negeri Selangor yang terdiri daripada 14 buah kenderaan dari pelbagai agensi, 30 buah motosikal berkuasa tinggi dari Tams Rider Club dan Motor Kelab Harley Davidson. Kelab motosikal Sabak Bernam (Bawah 150cc) turut menyertai konvoi ini di daerah Sabak Bernam.

Agensi lain yang turut menyertai KMJG 2025 Negeri Selangor antaranya;

- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) Negeri Selangor
- Pos Malaysia Berhad
- Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- Pasukan Konvoi dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK Selangor)
- Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APMM)
- Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
- Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor

Terdahulu, pelepasan Konvoi KMJG 2025 telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri di Dataran Tanjung Emas, Muar Johor. Konvoi ini meneruskan perjalanan dan serahan baton Jalur Gemilang ke Negeri Melaka, Negeri Sembilan dan tiba di negeri Selangor pada 1 Ogos 2025. Penyerahan baton seterusnya akan diberikan kepada Negeri Perak pada 2 Ogos 2025 di Pejabat Penyelaras DUN Sabak.

Dikeluarkan oleh:

Unit Media

Jabatan Penerangan Negeri Selangor